

UTHM dapat tier 4 dalam bidang kejuruteraan

BATU PAHAT 5 Feb. - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) terus menunjukkan kecemerlangan apabila bidang kejuruteraannya mendapat pengiktirafan tier empat iaitu sangat baik menerusi Sistem Penarafan Disiplin Pengajian (D-Setara) yang dinilai agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Pengumuman itu dibuat Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamad Khaled Nordin pada Majlis



Amanat Tahun 2013 di Putrajaya, baru-baru ini.

Penarafan itu menjadi pembakar semangat seluruh warga UTHM untuk mencapai tahap lebih tinggi iaitu dinobatkan sebagai universiti kejuruteraan terbilang jika berjaya mencapai tier enam.

Penilaian D-Setara yang dilaksanakan MQA terbahagi kepada lima bidang iaitu kejuruteraan, perubahan, farmasi dan pergigian, hospitaliti dan pelancongan serta sains

perubatan.

Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, beliau bersyukur dengan pengiktirafan yang dicapai dan percaya universiti tersebut bakal menjadi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pilihan selepas ini.

"Pengiktirafan ini membuktikan UTHM adalah IPTA pilihan terbaik bagi para penuntut yang ingin melanjutkan pengajian dalam bidang kejuruteraan.

"UTHM sememangnya mempunyai kekuatan tersendiri dalam bidang pengajian berteraskan teknikal dan kejuruteraan iaitu kejuruteraan awam dan alam sekitar, elektrik dan elektronik serta mekanikal dan pembuatan sejak ditubuhkan 20 tahun lalu," katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, UTHM kini sedang giat memperkasakan program-program teknologi kejuruteraan menerusi penubuhan Fakulti Teknologi Kejuruteraan yang bakal

dipindahkan ke Kampus Cawangan Pagoh apabila kampus tersebut siap.

"UTHM berhasrat memainkan peranan utama dalam melahirkan 20,000 tenaga jurutera di negara ini menjelang 2020 dan jumlah itu akan mencecah sehingga 300,000 orang pada masa akan datang.

"Kita mahukan nisbah seorang jurutera bagi setiap 100 penduduk kerana ketika ini Malaysia hanya mempunyai kira-kira 180,000 jurutera sahaja," katanya.